

Masalah loteri masih ribut dibincangkan di antara yang membincangkan itu ada kononnya “Ulama Kelantan” yang mengharuskan loteri. Ia memberi fatwa loteri itu halal. Sayang berita yang dikeluarkan itu disiarkan oleh sebuah akhbar tempatan tidak mahu sebut siapa nama ulama itu- muftikah ia, gurukah ia, imamkah ia atau “ulama betulkah” ia ataupun “ulama judikah ia tidak diketahui, sebab ia tidak berani keluar berterang-terang mendirikan barang yang hak- pakai sembunyi-sembunyi sahaja. Perkara tidak mahu sebut nama ini- tentang masalah fatwa ini- sebenarnya perkara bacul kerana kalau fatwanya salah tentulah merosakkan nama ulama-ulama Islam umumnya dan hal yang demikian patut dibantah! Orang-orang surat khabar patut insaf- dengan sembunyi nama di dalam perbincangan sesuatu perkara atas agama itu dengan tidak membawa hujah-hujah itu boleh mengelirukan kerana banyak nanti cakap-cakap yang tidak beralasan keluar seperti anak sungai- maklumlah lidah tidak bertulang- hati mahu cakap tetapi tak berani tanggung- sifat macam ini pegang tasbih di rumah lebih baik- sebab kalau cakap menimbulkan fitnah sahaja.

-----*-----*-----

M.C.A. tarik balik tawarannya sebanyak setengah milion kepada orang-orang Melayu dengan sebab orang-orang Melayu fikirannya berbelah bagi. Terbit daripada ini banyak orang bilang sekarang masih tebal perasaan perkauman orang-orang Melayu benar! Perasaan semula jadi ini tidak akan dapat disatukan.....sebabnya tidak payah dikaji- kebudayaannya tak sama- cara hidup dan kepercayaannya pun tak sama! Apakah ertinya perkauman itu kalau sekiranya kita sahaja yang berkorban?! Kalau pemberian itu dijadikan tak seperti menyuapkan pisang yang berkobak, belakang dikait duri- sudah tentu tidak ada maknanya sekalipun zahirnya sedap dan manis tetapi kesudahannya pahit!

-----*-----*-----

Terbit daripada Sultan Selangor naik Haji rupanya telah membuka selera Hantu Wak Katok mahu naik Haji kerana katanya “kalau dapat bonus yang lebih besar tahun hadapan” ia mahu naik Haji setahun dua ini. Kita ucapkan terlebih dahulu selamat naik Haji kepada Hantu Wak Katok. Alhamdulillah telah terbuka hatinya untuk ziarah ke Baitullah! Cita-cita ini menjadikan kita suka cita seolah-olah mendengar berita pada zaman Rasulullah di dalam mana ada orang-orang Yahudi masuk Islam yang di dalam Islamnya kemudian menjadi baik dan membuat jasa seperti Abdullah bin Salam dan lain-lainnya. Cuma satu sahaja pesan

kita kepadanya- sebagaimana yang lazim dibuat oleh orang-orang kita- sesampainya di sana nanti harap Hantu Wak Katok tukar nama kerana tak sedap benar rasanya kalau hendak memanggilnya “Haji Hantu Wak Katok” tetapi dalam apa-apa hal pun kita ucapkan selamat!..... Selamat! Kepada rakan kita itu. Mudah-mudahan cita-cita yang baik disampaikan Allah- Amin! Amin! Ya rabb al-amin.

-----*-----*-----

Dalam menyambut “Hari Raya Haji” rakan kita Wak Raya pula telah bawa cerita loteri! Wak Raya “Nak tengok bagaimana pula sepak terajang jaguh-jaguh ulama kita” atas rancangan UMNO hendak mengadakan loteri sebanyak semilion ringgit itu dengan menyatakan kalau hendak menghapuskan langkah baharu “yang bermanfaat” ia meminta ulama-ulama syorkan yang lain bagus dan syabas! Pertanyaan ini seolah-olahnya maksudnya begini “ulama sudah tegah loteri, kalau begitu minta tunjukkan lain jalan” jadi kalau tidak dapat lain jalan, barang haram jalan terus- begitukah?! Ulama-ulama tidak boleh cakap kalau orang sudah ditunjukkan haramnya mahu buat juga lagi semetanggungannya. Kepada masing-masing -kalau terang-terang mahu masuk neraka- silakan- kerana mereka sudah lepas tanggungannya memberi ingat!

Nampaknya mereka fikir tegahan yang disampaikan oleh ulama-ulama itu kemahuannya sendiri- tidak dari Tuhan! Siapa mahu langgar perintah Tuhan- Sila, tetapi tanggung sendiri!

Kita hanya memberi ingat

“sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.”

-----*-----*-----

Sudah jatuh ditimpa tangga- Farouk sudah turun dari takhtanya- maknanya riwayat sudah tamat. Ia telah sama dengan kita menjadi rakyat jelata tetapi malangnya tak sudah-sudah di sana sini ia diungkit sehingga sampai ke mari ia dibangkit oleh “Cif Kadi” kita yang terkenal dengan mengatakan “Farouk itu tidak menjaga maruah dan tidak berakhlak.” Kasihan Farouk yang telah jatuh itu ditimpa tangga tetapi di sebalik itu “Cif Kadi” kita “Gajah di kelopak mata tak nampak, tuma di seberang nampak”. Barangkali ada apa-apanya kah.....? Fasal nama Farouk kah. Kalau benar, berani kata benar, kenapa yang hampir di tepi mata tak berani menunjukkan benar: Siapa di tepi mata.....? T.S.T. -orang ramai sama-sama maklum. Di sini nampak cari publisiti kalau tidak mengapa asakan sahaja orang akhbar jumpa terus cakap tak payah fikir panjang lagi- Cemeti Al-Farouk.



KOPI PAHIT